

Kepentingan Faktor Lokasi Dalam Kelestarian Perusahaan Sarang Burung Walit Bumiputera di Kelantan

Wan Khairy bin Wan Ibrahim
Fakulti Keusahawanan dan Pengurusan
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Kota, Pengkalan Chepa
16200, Kota Bharu. Kelantan
Email onekhairy@gmail.com

Mohd Rafi bin Yacob
Fakulti Keusahawanan dan Pengurusan
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Kota, Pengkalan Chepa
16200, Kota Bharu. Kelantan
Email rafi@umk.edu.my

Azwan bin Abdullah
Fakulti Keusahawanan dan Pengurusan
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Kota, Pengkalan Chepa
16200, Kota Bharu. Kelantan
Email Azwan.a@umk.edu.my

ABSTRAK

Kertas ini akan membincangkan tentang kepentingan pemilihan lokasi yang betul dalam menentukan kejayaan dan kelestarian perusahaan SBW (Sarang Burung Walit) bumiputera di Kelantan. Analisis dilakukan berdasarkan pemerhatian dan maklum balas yang diperolehi daripada enam orang usahawan SBW bumiputera di Kelantan. Penemuan lebih terarah kepada faktor lokasi memainkan peranan terpenting dalam menentukan kejayaan sesebuah perusahaan SBW. Faktor lokasi memberikan satu kelebihan bersaing kepada usahawan bumiputera untuk terlibat dalam industri ini memandangkan mereka masih menguasai beberapa lokasi strategik dan memiliki status keistimewaan bumiputera berkaitan dengan pemilikan dan pemilihan tanah. Kajian ini juga telah menemui beberapa lokasi yang dikenal pasti sebagai tepu dan sudah tidak sesuai untuk perusahaan SBW. Kesemua informan bersetuju bahawa faktor lokasi memainkan peranan terpenting dalam menentukan kelestarian perusahaan SBW yang mereka bina.

Kata kunci: Kelestarian, Keusahawanan, Burung Walit (BW), Bumiputera.

ABSTRACT

This paper will discuss the importance of selecting the right location in determining the success and sustainability of Malay the edible bird nest (EBN) industry in Kelantan. Analysis based on observation and feedback collected from six indigenous EBN entrepreneurs in Kelantan. A finding directed to a map location factors play a role in determining the success of an EBN industries. The location gives a competitive advantage to Malay entrepreneurs to get involved in this industry since they still control strategic locations and has the status of indigenous privileges associated with ownership and land regulation. The study also found some locations identified as saturated and is not suitable for EBN industries. All informants agree that the location factor played a crucial role in determining the sustainability of the EBN industries.

Keywords: Sustainability, Malay Entrepreneurship, Edible Bird Nest (EBN)

PENGENALAN

Industri Sarang Burung Walit di Malaysia berkembang dengan pesat pada tahun bermula tahun 2008 hingga sekarang. Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan dan Statistik pada tahun 2010 terdapat 41 buah Persatuan Burung Walit yang didaftarkan pada tahun 2010 di seluruh negara. Nilai output kasar yang disumbangkan oleh ahlinya bernilai RM 3.007 juta sebulan dengan nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun bernilai RM 14.216 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Malaysia menduduki tangga kedua selepas Indonesia di dalam perusahaan ini dengan keluaran sebanyak 20% pasaran dunia (Abdullah, 2010). Purata permintaan bagi seluruh dunia untuk produk SBW adalah 12,000 tan metrik setahun, namun jika dicampur pengeluaran dari semua negara-negara sekitar Asia Tenggara, kita hanya mampu menghasilkan sehingga 500 tan metrik sahaja (Utusan Malaysia, 26/11/ 2012). Walaupun industri ini banyak diusahakan oleh masyarakat Cina namun orang Melayu tidak ketinggalan untuk turut sama merebut peluang perniagaan di dalam industri yang berimpak tinggi ini. Terdapat ramai usahawan Melayu di Selangor, Kelantan, Terengganu, Johor, Perak, Perlis, Pahang dan Kedah turut serta dalam industri ini (Paran, 2010). Negeri Kelantan dilaporkan sebagai negeri kedua terendah dari segi sumbangan KDNK negeri selepas Sabah dengan kata lain dikelompokkan sebagai negeri yang kurang membangun berbanding negeri-negeri lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Namun menduduki tempat kedua tertinggi dalam industri SBW mentah selepas Perak (Utusan Malaysia, 11/11/2011). Sektor pertanian merupakan sektor kedua terbesar yang menyumbang kepada KDNK negeri Kelantan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Sebagai golongan usahawan yang baharu terlibat dalam industri ini, orang Melayu mempunyai kelebihan bersaing kerana menguasai beberapa lokasi strategik untuk industri SBW. Antara aspek terpenting di dalam kelestarian perusahaan SBW ialah kehadiran populasi burung walit yang banyak dan kekal menginap di dalam Rumah Burung Walit (RBW). Maksudnya premis yang dibina mampu menjadi habitat kekal yang meniru habitat asal burung walit iaitu gua. Oleh itu, kajian ini cuba melihat kepentingan faktor lokasi dalam kejayaan dan kelestarian industri SBW. Hasil temu bual dengan enam orang usahawan yang berjaya dalam bidang ini telah menemukan beberapa maklumat penting yang perlu diberi perhatian oleh usahawan sekiranya mereka ingin berjaya dalam bidang ini. Antara aspek penting yang diberitahu oleh mereka ialah pemilihan lokasi berkaitan dengan habitat burung walit.

Morfologi BW dan Khasiat SBW

Kajian awal tentang industri SBW merangkumi aspek veterinar seperti penjagaan haiwan, dan teknikal seperti kajian oleh Jordan (2004) mengenai habitat burung layang-layang gua di Indonesia. Manakala Lim (2007), Koon dan Cranbrook (2002), dan Mulia (2008) pula meneliti tatacara memikat BW dan menguruskan RBW. Selain itu, pemerhatian juga mendapati burung walit amat peka dengan bau asap, belerang, bau plastik, asas rokok, cat dan bau insektisid yang tajam (Mardiastuti, Mulyani, & Gultom, 1997; Marzuki, 1979). Kaki BW sangat lemah dan tidak boleh berfungsi untuk meloncat atau berjalan (Winarno, 2004). Ini menjadikan BW tidak boleh hinggap pada kabel elektrik, ranting pokok dan tidak pernah berpijak di tanah (Damak, 2011).

Kajian oleh dua penyelidik Koon dan Cranbrook (2002) dalam bidang zoologi Universiti Malaysia Sarawak mendapati kandungan kimia SBW seperti di dalam Jadual 1. Berdasarkan Jadual 1, SBW yang baik mengandungi 9 % kelembapan. Ini memberikan gambaran SBW agak kering. Ini menjadikan SBW cepat patah sekiranya tidak dibungkus dengan baik. Kandungan karbohidrat yang membekalkan tenaga merupakan zat tertinggi di dalam SBW iaitu 38.7%, diikuti oleh kandungan protein sebanyak 32.3% dan habuk atau abu organik sebanyak 20%.

Seterusnya, kajian oleh Pusat Kesihatan Indonesia pada tahun 1979 pula menemui setiap 100g SBW mempunyai zat seperti Jadual 2. Jadual 2 pula menjelaskan kandungan SBW yang diperolehi daripada Indonesia. Kandungan zat tertinggi ialah protein sebanyak 37.5 gram, diikuti oleh karbohidrat sebanyak 32.1 gram, dan air atau kelembapan sebanyak 24 gram. Kandungan zat kalsium, fosforus dan zat besi masing-masing sebanyak 485.0 miligram, 18.0 miligram dan 3.0 miligram. SBW mempunyai rendah lemak dengan kadar 0.3 gram bagi setiap 100 gram. Di dapati, setiap 100 gram SBW dapat membekalkan tenaga kalori sebanyak 281.0 kal.

Manakala kajian oleh *Thailand Institute of Scientific and Technological Research* (TISTR) pula mengesahkan SBW mengandungi kandungan zat seperti Jadual 3. Ujian makmal TISTR mendapati SBW di Thailand mempunyai 60.9% kandungan protein, 5.11% air dan selebihnya terdiri daripada kandungan kalsium sebanyak 0.85%, potassium 0.05% dan fosforus 0.03%.

Walaupun ujian kimia menunjukkan terdapat perbezaan dari segi peratusan kandungan zat-zat yang terdapat di dalam SBW mengikut lokasi negara. Namun, secara dasarnya hasil eksperimen membuktikan SBW mengandungi zat-zat penting untuk kesihatan manusia seperti protein, kalsium,

potassium, fosforus, dan 17 jenis asid amino yang berguna untuk tujuan kesihatan manusia. Maka tidak hairan sekiranya permintaan dan kepercayaan yang berlebihan terhadap khasiat SBW telah mempengaruhi peminat makanan eksotik. Kajian secara saintifik telah membuktikan bahawa SBW mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan sebagai salah satu industri utama di negara ini kerana keadaan iklim khatulistiwa mampu menyediakan habitat terbaik untuk kelestarian industri SBW.

KERJA LAPANGAN

Analisis yang dilakukan berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang telah dilakukan terhadap enam orang usahawan SBW Melayu Kelantan. Hasil temu bual telah direkodkan menggunakan alat perakam MP3 dan dianalisis sebagai rujukan utama kajian ini sebagai bukti kajian. Informan yang telah ditemu bual ditandakan dengan IF1, IF2, IF3, IF4, IF5, dan IF6. Kesemua informan merupakan usahawan yang telah berjaya dan menceburi industri ini melebihi 4 tahun. Hasil temu bual telah dianalisis menggunakan program Atlas. t.i 7 untuk mencari tema- tema utama kajian.

Analisis

Analisis dilakukan terhadap pemerhatian dan temu bual yang dilakukan mendapati sesebuah SBW yang berjaya dipengaruhi oleh beberapa ciri utama. Antara ciri yang paling penting ialah berkaitan dengan lokasi. Lokasi boleh dipecahkan kepada beberapa aspek itu lokasi yang baik, lokasi tepu dan cuaca mengikut kekerapan elemen ini dinyatakan semasa temu bual dilakukan.

Lokasi Baik

Beberapa informan seperti IF3, IF4, IF5 dan IF6 ada menyatakan tentang kepentingan lokasi dan cuaca sebagai faktor terpeting dalam kejayaan industri SBW. RBW yang hendak dibina mesti melalui tapisan pemilihan lokasi. Ini kerana, lokasi mempunyai kaitan utama dengan makanan dan keberhasilan SBW.

IF1 - 10:22 :- Jadi saya rasa...bidang burung walit dia bagus . tetapi bergantung pada faktor-faktor tertentu .lah, kalau macam di tempat saya.. .saya bagi cadangan saya rasa... nak buat tu.. kena fikir panjang sikitlah..Sebab burung sekarang ni...sebagaimana kita tahu.. dia hijrah jugak...,lokasi juga (bergantung kepada). Tempat-tempat jugak...

IF1 - 10:24:- Bukan kata semua tempat ada kita boleh buat...sebab nak dapat pulangan balik tu.. Kalau tempat comel dalam setahun dua tahun tu.. dah bagus. boleh kutip hasil ..., tempat- tempat macam ni.. Kita rasa dua tahun rasa payah!!!, kalau kata. Ada orang buat loan .. tak mampu nak bayar..Kalau tempat macam ni (dalam Rhu – Semarang). Slow.. sebab slow bagi tempat macam saya..sebab hasil dia kalau nak banding dengan dulu banyak.. dia punya burung sini, sekarang ni berkurang.

IF2 - 10:26:-Faktor lokasi ni bagi. .saya.. yang paling utama !, bagi saya lah.. tempat yang burung ramai. Tempat yang banyak makanan, Ya. lokasilah yang penting. ..

IF3 - 8:67:- : Pertama lokasi.. Ya, tempat.. , kita kena tengok.. Kawasan tu.. Tempat utama dia mencari makanan.,

IF3 - 9:7:- Dia bergantung kepada atas faktor utama, Tempat tu sesuai atau tidak,. Kalau kita buat benda tu tempat lokasi tak molek, memang modal buang saja...Ciku 3.. maknanya. beza dengan di sana..., faktor.. Kebersihan tempat dia,. Pokok kayu banyak di sana. Karbon pun kurang., tempat kita.. dalam Bandar ni.. karbon banyak.

Karbon ini macam kereta, kilang asap.. (Karbon ni asap lah.. merujuk kepada asap la)...Memang dalam Bandar lagu ni. Kita tak boleh nak lawan dia...memang jauh.. memang comel , tempat dia tu .. buat lagu mana pun akan burung akan masuk. Maknanya disini benda- benda yang sudah sedia ada.. Maknanya kalau anak muda serupa demo tu pergi berhijrah makanan di tempat tu makanan banyak lah., lepas tu, dia tengok situ pun ada tempat dia nak bersarang... dia tak akan balik dah., dia akan

duduk situ .. Dia peringkat muda,, peringkat muda ni dia serupa dengan manusia lah..Maknanya kita nak cari apa?...tempat ,tempat duduk situ.

IF4 - 12:33:- Di Kelantan ini burung banyak dan tempat bersih, bekalan comel, makanan banyak, burung sesuai untuk burung. Ia ada risiko, besar, pasal, risikonya.. Dia apa - apa berniaga pun ada risiko. Dia sarang burung ini kalau kita ambil loan kita di satu tempat yang tidak begitu yakin, di satu tempat yang yakin boleh kita ambil loan, tetapi jangan sampai, loan yang kita ambil tu merencatkan kehidupan kita lah

IF4 - 12:40 :- Sebab burung ni dia mari cari makan di tempat-tempat kampung-kampung dan bangunan kita buat sesetengah tempat tu.. bukan nya lawa-lawa pun,

IF4 - 12:58 :- Lokasi cukup penting, lokasi cukup penting, lokasi cukup penting, dan kita orang Melayu ni ada kelebihan dari segi lokasi. Mana-mana di Malaysia orang luar bandar, tapi kalau luar bandar sebelah Selangor dah tak berapa menarik dah, tak tahu burung kurang di kawasan itu, tetapi di pantai timur, di kawasan pantai timur, memang boleh tak dop masalah.

IF4 - 12:60 :- jadi burung yang Kota Bharu mari Ayer Lanas ko misalan mari cari makan dah ada rumah burung Ayer Lanas, maka tak perlu nak balik Kota Bharu), sebab bila saya pergi kursus, saya pun pergi try.. kereta saya kemik. sebab pergi Aring, masuk ladang. mari sini tengok.. potensi memang besar sini.

IF5 - 14:50:- No satu.. nak cari tapak tu.. no satu, bukan buat rumah burung tempat tanah kita ada, kebanyakan orang Melayu percaya " tanah saya ada tepi sungai, tanah saya ada atas bukit, betul atau tidak kita dengar..

IF5 - 14:51:- No satu nya, lokasi burung dulu... tempat burung ada, ramai, dan rumah burung tu.. tak ada RBW, kalau ada pun satu dua sahaja, pengalaman saya nampak rumah burung ada satu dua ok.. burung ramai.

IF5 - 14:53:- Jadi nak berjaya , ni . pilih tempat.. Beres? Paling utama memang tempat lah..., saya pergi belajar hari tu pun memang cikgu tu dalam kertas kerja dia pun ada tulis " kita nak buat sarang burung , bukan tempat tanah yang kita ada, tempat burung yang ada .. ha ha Tempat burung ada..., saya sendiri pun saya test dulu. Dia memang no satu tu. Milik Tuhan semuanya.. tapi ikhtiar , tempat tu kena utamakan dulu lah... , tempat tu tak boleh nak wat apa dah ni!.sebab Dia faktor tempat.. kita kena yakin , tanya hati kita, dah yakin apa yang kita nak buat. Kalau yakin. terus!

IF6 - 118:20:- tak ada... Ooo,.. memang kita nak buat (rumah) burung walit itu kita kaji doh, tengok kawasan dia lalu, petang dia terbang, yang banyak nya di Padang Ben kan. Petang-petang ia balik berderu- deru... beribu dia balik.. pagi.. dia keluar.. pagi dia lalu beribu- ribu..,

Hasil pemerhatian mendapati RBW yang berjaya dibina di kawasan yang mempunyai sumber makanan. Sumber makanan burung walit ialah serangga kecil yang berterbangan (Damak, 2011; Mardiasuti.A, 2011; Siagian, 2001). Oleh itu, amat penting untuk RBW dibina di kawasan yang mempunyai sumber tumbuhan yang mampu menarik serangga atau makanan SBW. Antara kawasan yang dikenal pasti sebagai sumber makan burung walit ialah kawasan jaringan sungai dan tanaman seperti ladang kelapa sawit. Faktor udara yang bersih boleh mempengaruhi mutu SBW yang dihasilkan. Udara yang terdedah dengan asap boleh menjadikan SBW berwarna gelap. Kawasan pedalaman mempunyai potensi SBW yang lebih berkualiti kerana masih belum terdedah kepada pencemaran udara dan mempunyai sumber makanan yang cukup. IF3 menyatakan RBW di kawasan Ciku 3 bermutu tinggi kerana kawasan itu mempunyai ciri-ciri yang disebutkan. Manakala IF4, menyatakan RBWnya yang terletak di Air Chanal tergolong dalam RBW yang berjaya dan boleh menghasilkan SBW yang berkualiti tinggi kerana terletak di kawasan yang bersih dan mempunyai sumber makanan BW yang banyak.

Lokasi Tepu

Lokasi tepu yang maksudkan merujuk kepada suatu tempat yang sesuai untuk dibina RBW pada peringkat awal. Tempat ini menjadi tumpuan dan merupakan tempat pengumpulan hasil burung walit utama. Walaupun begitu, lokasi yang baik juga boleh menjadi tepu kerana pertambahan RBW lebih cepat berbanding dengan populasi BW. Pertambahan RBW yang banyak menjadikan RBW yang baru dibina tidak berjaya untuk merangkit BW masuk bersarang di RBW mereka. Ini menjadikan RBW gagal mencapai sasaran. Faktor ini mempunyai kaitan dengan keterbatasan sumber makanan yang terdapat di kawasan itu. Mengikut Damak (2011) sumber terpenting bagi benda hidup termasuk burung walit ialah makanan, pasangan dan tempat tinggal (RBW). Oleh itu, pertambahan bilangan RBW yang tidak seimbang dengan pertambahan populasi BW menjadikan RBW yang baharu dibina tidak seperti yang diharapkan.

Situasi ini dijelaskan oleh beberapa informan seperti IF4 dan IF5 yang menyedari bahawa lokasi yang baik juga boleh menjadi tepu (*saturated*).

IF4 - 12:56:- ... kita panggil saturated.. Maknanya.. kita buat pun tak jadi dah, gi pun, buat pun tak akan jadi dah, buat -buat pun, kalau di Setiawan kalau buka rumah burung yang baru. tak sebanyak rumah burung yang lama... dia- dia. ada istilah macam tu, jadi bila kita nak tahu dia saturated tu, kena try and error.

IF4 - 12:118:- : kena try and error Kuala Krai dah saturated, Kuala Krai dah saturated, tak boleh dah nak buat di bandar-bandar!.. Kita tak boleh nak kata, jumlah amount, berapa?... aaa tak boleh... mungkin bila dah satu ketika, semua dah bunyi.. satu bandar dah bunyi.. burung dah jadi pening, burung dah tak peduli dah.. burung dah immune dah suara, jadi kita buat (RBW) yang baru pun dah tak peduli

IF4 - 12:119 :- Lor ni.. kita dah tahu saturated , di Kuala Krai, saturated, saya dengar di Muar pun dah saturated, yang,.. paling teruknya di Setiawan, jangan buat di Setiawan sekarang ini, orang dah mula pack. kita pun tak tahu bila saturated, bila orang lain buat tempat yang sama, benda(bahan) yang sama, konsep yang sama, burung tak masuk. tak masuk banyak lah . bukan tak masuk. tak banyak masuk seperti yang kita jangka.. Padahal burung banyak. kita gi tengok petang-petang memang burung gelap,

IF5 - 14:143:- Sekarang ni di kawasan Kota Baharu kalau dengar orang Cina beritahu.. sarang dah mula turun...,makna yang dapat 120 -130 kilo.. sudah menurun jadi 20 -30 kilo,..

IF5 - 14:144:-Rantau panjang tu... ada yang lama tu berjaya.. yang baru tu kurang berjaya!

Hasil temu bual dengan IF4 dan IF5 memberikan satu maklumat penting berkaitan dengan industri SBW. Mereka menyatakan beberapa lokasi penting di Semenanjung Malaysia sudah mencapai tahap tepu iaitu di Kuala Krai, Muar, Setiawan, dan Kota Baharu sedang menuju ke arah RBW tepu. Maklumat daripada IF4 boleh dipercayai kerana selain terlibat dalam perusahaan SBW, beliau juga merupakan seorang pemborong dan pengeksport SBW ke negara China. Manakala IF5 sebagai seorang pengusaha yang aktif beliau mempunyai jaringan dengan pemborong SBW terdiri daripada orang Cina yang memberitahu perkembangan semasa industri SBW.

Cuaca

Hasil temu bual dengan IF3 dan IF4 mendapati faktor cuaca amat penting dalam mempengaruhi kejayaan RBW. Beliau meletakkan cuaca sebagai faktor terpenting. Cuaca merupakan faktor asas yang membolehkan sesebuah RBW dibina dan mendapat pulangan hasil yang lumayan. Dalam istilah lain cuaca yang dimaksudkan merujuk kepada iklim.

IF3 - 8:69:- Selepas lokasi.. faktor ni .. lah faktor cuaca lah.

IF3 - 9:66:-Dia... pertambahan dia tak tentu. , jadi dia ikut faktor cuaca dia dan makanan dia., maknanya... kalau makanan banyak sini...pertambahan dia.. tu. Maknanya.. Kalau kita tuai dalam 3 kilo.. dia akan naik jadi 6 kilo.

IF4 - 9:67:-Dia ikut cuaca dengan makanan..

IF3 dan IF4 menyatakan bahawa cuaca amat penting dalam menentukan sesebuah SBW itu berjaya atau sebaliknya. Cuaca akan mempengaruhi sumber makanan dan pembiakan BW. Hasil SBW boleh meningkat sebanyak sekali ganda setahu sekiranya burung walit mendapat sumber makanan yang cukup. Beliau memberi contoh hasil tuaian SBW boleh meningkat daripada 3-kilogram kepada 6 kilogram pada tahun berikutnya. Populasi utama SBW dunia terletak di kawasan Asia Tenggara (Damak, 2011; Koon, 2000, 2011; Koon & Cranbrook, 2002; Lim Chan, 2000; Mardiasuti.A, 2011; Siagian, 2001). Menurut mereka suhu dan kelembapan yang diperlukan oleh BW untuk membiak di antara 26 hingga 30 darjah Celsius. Manakala keperluan kelembapan di antara 80% hingga 90%. Oleh itu, pemerhatian dan maklumat yang diberikan oleh informan selaras dengan penemuan pengkaji sebelum ini. Usahawan menyedari kebenaran ilmu ini melalui pengalaman, pemerhatian secara keterlibatan secara langsung di dalam bidang ini

PENEMUAN

Hasil temu bual dan pemerhatian yang dilakukan dikenal pasti bahawa kejayaan industri SBW amat dipengaruhi oleh faktor lokasi, cuaca dan habitat. Faktor lokasi dan habitat yang sesuai dengan keperluan RBW mampu menarik BW untuk bersarang dan mengeluarkan hasil seperti yang diharapkan. Jadual 4 menjelaskan keperluan industri SBW untuk menjamin kelestarian perusahaan. Masyarakat Melayu Kelantan mempunyai kelebihan bersaing dari aspek lokasi kerana mereka memiliki tanah dan kawasan di pedalaman yang sesuai untuk industri SBW. Faktor lokasi memberikan sumbangan yang paling besar, kemudian diikuti oleh cuaca dan habitat. Cuaca menjadi faktor kedua terpenting kerana walaupun negeri Kelantan mempunyai cuaca yang sama, namun tidak semua tempat atau lokasi sesuai untuk pembinaan SBW. Ini kerana tidak semua tempat mempunyai tanaman yang mampu menarik sumber makanan BW dengan banyak. Oleh itu, kawasan yang mempunyai sumber makanan BW akan menjadi keutamaan dan mempunyai tahap kelestarian yang lebih tinggi.

KESIMPULAN

Kajian yang dilakukan terhadap enam orang usahawan SBW di Kelantan akhirnya menemui jawapan bahawa industri SBW amat dipengaruhi oleh faktor lokasi. Lokasi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan sesebuah RBW yang diusahakan. Walaupun cuaca mempunyai kaitan dengan lokasi tetapi lokasi mempunyai peranan yang lebih besar kerana lokasi berkait rapat dengan sumber makanan burung walit. Oleh itu, kunci utama seorang usahawan SBW mencapai kelestarian yang tinggi ialah RBW yang dibina mesti berada di lokasi yang mempunyai sumber makanan yang banyak serta menepati ciri-ciri habitat yang diperlukan oleh BW. Manakala cuaca adalah faktor makro yang tidak dapat diubah kerana ia berkait rapat dengan struktur muka bumi dan iklim sesebuah negara. Amanat penting daripada informan pula dapat dipetik daripada IF5 yang amat yakin dengan pandangan *" kita nak buat sarang burung, bukan tempat tanah yang kita ada tetapi tempat yang ada burung"*. Ini selari dengan kajian sebelum ini mendapati bahawa pemilihan lokasi yang tepat menjadi faktor penting dalam perusahaan SBW (Erham, 2009; H, W.C, & Baharun, 2009; Ibrahim, Yacob, & Abdullah, 2015; Koon, 2011; Kurniati & Dolorosa, 2013; Mardiasuti et al., 1997; Risman, 1996; Siagian, 2001; Syamsudin, 2009). Sekiranya faktor-faktor ini diikuti serta difahami oleh usahawan SBW sebelum menceburi industri SBW, mereka mampu menyelesaikan masalah kegagalan untuk merakit BW untuk mendiami RBW seterusnya menjamin kelestarian perusahaan yang dibina.

RUJUKAN

- Abdullah, M. (2010, 26/11/2010). Sarang 'emas' cecah RM45,000 sekilo, *Utusan Malaysia*.
 Daisy. (2006, 25 Mar 2006). Birdnest Much More Than Delicious Flavour. *Thaiways magazine*, 22.
 Damak, W. (2011). *Panduan Rinci Perladangan Burung Walit*. Kota Bharu: Dian Darul Naim
 Erham. (2009). *Perilaku Selama Periode Perkembangbiakan Pada Burung Walet (Collocalia Fuciphaga) Rumahan di Kecamatan Sidaya Kabupaten Gersik*. (Masters), INSTITUT PERTANIAN BOGOR, Bogor Indonesia.
 H, I. S., W.C, T., & Baharun, A. (2009). A Study on Suitable Habitat for Swiftlet Farming. *UNIMAS E-Journal of Civil Engineering*, Vol. 1(1).

- Ibrahim, W. K. W., Yacob, M. R., & Abdullah, A. (2015). The Importance of Technical Knowledge in Sustainability of Malay Bird's Nest Industry in Malaysia. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 5(4), 190-196.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). *Banci Ekonomi 2011 Ternakan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jordan, D. (2004). Globalisation and Bird's Nest Soup. *International Development Planning Review*, 26(1), 97-110.
- Koon, L. C. (2000). Bird's Nest Soup: What's Not for Dinner. *Vol. 103, no. 1, 30 p. Feb 2000.*, 103(1), 30-30.
- Koon, L. C. (2011). *Opportunity and Sustainability of Swiftlet Farming in Malaysia* Paper presented at the International Conference & Training on Swiftlet Ranching 2011 (ICOTOS).
- Koon, L. C., & Cranbrook, G.-H. (2002). *Swiftlets of Borneo: Builders of Edible Nests*: Natural History Publications (Borneo).
- Kurniati, D., & Dolorosa, E. (2013). Analisis Faktor Internal dan Eksternal Usaha Agribisnis Sarang Burung Walet di Kota Pontianak.
- Lim, C. (2007). *Make Millions from Swiftlet Farming: A Definitive Guide: True Wealth*.
- Lim Chan, K. (2000). Bird's nest soup. *Wildlife Conservation*, 103, 30-35.
- Mardiastuti, A., Mulyani, Y. A., & Gultom, T. A. (1997). Breeding Success Of Edible-Nest Swiftlets In A Man-Made Nesting Habitat.
- Mardiastuti, A. (2011). *Swiftlet Farming In Indonesia: Opportunity, Challenge, And Sustainability*. Paper presented at the International Conference & Training on Swiftlet Ranching 2011 (ICOTOS).
- Marzuki, A. F. (1979). Penyebab Merosotnya Produksi Sarang Burung Dan Upaya Melestarikan Burung Walet Di Gua-Gua Gunung Kidul.
- Mulia, A. H. (2008). *Strategi Jitu Memikat Walet*: AgroMedia.
- Paran, R. (2010, 2/2/2010). Industri Sarang Burung Walit, *Utusan Malaysia*.
- Risman, A. (1996). Kajian Beberapa Aspek Bio-Ekologi Burung Walet (*Aerodramus Fuciohagus*) di Gua Situlung, Kecamatan Bayah Kabupaten Lebak, Jawa Barat.
- Siagian, N. (2001). Analisis kelayakan investasi usaha penangkaran burung walet (*collocalia fuciphaga*) di Kota Adminisfratif Kisaran, Kabupaten Asahan, Sumatera Utara.
- Syamsudin, S. (2009). Potensi Sarang Walit. *Dimensi Koop*, 70-77.
- Utusan Malaysia. (11/11/2011). Ceburi Industri Prosesan Sarang Burung Walet, *Utusan Malaysia*.
- Utusan Malaysia. (26/11/ 2012). Kembangkan Industri Sarang Burung Walet, *Utusan Malaysia*.
- Winarno, L. (2004). Pemanfaatan Bangunan Untuk Budidaya Sarang Burung Walet (*Collocalia fuciphaga*) dan Peranannya Bagi Masyarakat Di Kota Metro Propinsi Lampung.

JADUAL 1: Kandungan Kimia SBW Malaysia

Zat	Peratus %
Moisture	9
Inorganic Ash	20
Protein (Glycoprotein & 17 Types Amino Acids)	32.3
Carbohydrate (Sialic Acid, Hexosamines, Hexoses, Deoxyexose)	38.7

Sumber :(Koon & Cranbrook, 2002)

JADUAL 2: Kandungan Kimia SBW Indonesia

Zat Gizi	Jumlah
Kalori	281.0 kal
Protein	37.5 gram
Lemak	0.3 gram
Karbohidrat	32.1 gram
Kalsium	485.0 miligram
Fosfor	18.0 miligram
Besi	3.0 miligram

Air	24.8 gram
-----	-----------

Sumber: (Siagian, 2001)

JADUAL 3: Kandungan Kimia SBW Thailand

Kandungan Zat	Peratus %
Air	5.11
Protein	60.9
Kalsium	0.85
Potassium	0.05
Phosphorus	0.03

Sumber (Daisy, 2006)

JADUAL 4: Kepentingan Lokasi Dalam Kejayaan dan Kelestarian Industri SBW

Elemen yang mempengaruhi	Cuaca / Suhu	Lokasi	
		Baik	Tepu (tidak sesuai)
Habitat (Asal Gua Batu Kapur)	26-30 Darjah Celsius -kelembapan 80%- 90%	Menyediakan tempat terbaik untuk BW membiak dan bersarang untuk kelestarian generasi Burung walit seterusnya.	Habitat yang sama tetapi RBW melebihi populasi BW
Sumber Makanan Serangga kecil yang berterbangan	Suhu yang sesuai untuk tanaman yang menarik serangga dan makanan walit (Tanaman Kelapa Sawit)	Kawasan perladangan seperti kelapa sawit (Air Chanal (Jeli), Ciku 3 (Gua Musang) -Sumber makanan mencukupi.	Setiawan (Perak), Kuala Krai, Kota Baharu , Rantau Panjang Kelantan. Sumber makanan tidak mencukupi-Perubahan suhu dan sumber makanan
Tempat Bersarang RBW yang memenuhi ciri-ciri habitat asal iaitu gua batu kapur	26- 30 Darjah Celsius -kelembapan 80%- 90%	Mempunyai suhu dan kelembapan yang sesuai untuk BW mengeram dan menetas	RBW terlalu padat dan umber makanan yang terhad.